



**UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PESTA SUKAN DAN  
KEBUDAYAAN PEGAWAI PENDIDIKAN**

**PERINGKAT NEGERI SARAWAK**

**KE-38 TAHUN 2018**

**MEMANAH**

**PENGELOLA: SK KAMPUNG TEH, DALAT**

**PENYELARAS: EN KHAIRUL IZZUDDIN BIN ZAINI**

**H/P: 013-4801465**

## UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN PERTANDINGAN MEMANAH

### PESTA PSKPP NEGERI SARAWAK KE-38

#### BAGI TAHUN 2018

#### 1. PENGELOLAAN

1.1 Pesta ini akan dikelolakan oleh PSKPP Cawangan Mukah

#### 2. TARIKH PERTANDINGAN

2.1 16 Sept : Mesyuarat Pengurus

2.2 **17 – 19 September 2018**

#### 3. TEMPAT PERTANDINGAN

3.1 Padang SMK Oya, Dalat

#### 4. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

4.1 Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang 'World Archery' (WA) dan Peraturan-Peraturan AM PESTA PSKPP SARAWAK KE-38.

#### 5. JENIS PERTANDINGAN

5.1 Pertandingan akan dijalankan selama **Tiga ( 3 )** hari.

5.1.1 **1 ( SATU ) hari** - Latihan Rasmi (*Official Training*) dan pemeriksaan alatan.

5.1.2 **1 ( SATU ) hari** - Pertandingan *Single WA ( Qualification Round )* & Pertandingan Pusingan Individu (*Individual Match Round*)

5.1.3 **1 ( SATU ) hari** – Pertandingan Pusingan Berpasukan (*Team Match Round*) & Pertandingan Pusingan Berpasukan Campuran (*Mix-Team Match Round*)

5.2 Pertandingan *Single WA ( Qualification Round )*

5.2.1 Jarak 50 meter – 2 pusingan (*target face 80cm*)

5.2.2 Keseluruhan individu

- 5.3 Pertandingan Pusingan Individu ( *Individual Match Round* )
- 5.3.1 Jarak 50 meter (*target face* 80cm)
- 5.3.2 Sistem Kalah-keluar
- 5.4 Pertandingan Pusingan Berpasukan ( *Team Match Round* )
- 5.4.1 Jarak 50 meter (*target face* 80cm)
- 5.4.2 Sistem Kalah-keluar
- 5.5 Pertandingan Pusingan Berpasukan Campuran ( *Mix-Team Match Round* )
- 5.4.1 Jarak 50 meter (*target face* 80cm)
- 5.4.2 Sistem Kalah-keluar
- Bagi acara individu 32 pemanah terbaik yang bertanding dalam *Single WA (Qualification Round)* akan layak memasuki Pertandingan Pusingan individu ( *Individual Match Round* ).
  - Bagi acara berpasukan ( *Team Match Round* ), tiga orang pemanah terbaik pasukan dalam pertandingan *Single WA* akan dipilih mewakili pasukan. Semua pasukan layak bertanding. Pemanah yang dibentuk untuk berpasukan mesti daripada pasukan yang sama.
  - Bagi Pertandingan pasukan campuran ( *Mixed Team Match Round* ), seorang pemanah lelaki dan seorang pemanah perempuan terbaik pasukan dalam pertandingan *Single WA* akan dipilih mewakili pasukan. Pemanah lelaki dan wanita yang dibentuk untuk berpasukan campuran mesti daripada pasukan yang sama. (Jika pasukan hanya menghantar peserta lelaki atau peserta perempuan sahaja maka tidak layak bertanding dalam pasukan campuran /mixed team)

## 6. PEMBENTUKAN PASUKAN

- 6.1 Tiap-tiap pasukan daripada setiap bahagian haruslah tidak melebihi daripada
- 6.1.1 4 orang pemanah
- 6.1.2 1 orang Pengurus (Boleh dilantik dalam kalangan pemanah)
- 6.1.3 1 orang jurulatih (Boleh dilantik dalam kalangan pemanah)
- \*setiap bahagian boleh menghantar 1 pasukan sahaja.

- 6.2 Acara Perseorangan
- 6.2.1 Setiap pasukan dibenarkan menghantar maksimum empat (4) orang pemanah
- 6.3 Acara Berpasukan
- 6.3.1 Satu pasukan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya tiga (3) orang dan tidak melebihi daripada empat (4) orang pemanah.
- 6.3.2 Setiap pasukan yang terdiri daripada empat (4) orang pemanah, jumlah mata tertinggi bagi tiga (3) orang pemanah akan didaftar untuk acara berpasukan.
- 6.3.3 Pasukan yang menghantar kurang dari tiga (3) pemanah tidak layak menyertai acara berpasukan.
- 6.3.4 Jika terdapat sebarang pertukaran peserta, pengurus pasukan hendaklah memaklumkan kepada Pegawai teknikal Pertandingan secara bertulis selewatnya satu (1) jam sebelum pertandingan acara berpasukan bermula
- 6.4 Acara Berpasukan Campuran
- 6.4.1 Satu pasukan terdiri daripada satu (1) pemanah lelaki dan satu (1) pemanah perempuan
- 6.4.2 Seorang pemanah lelaki dan seorang pemanah perempuan terbaik akan didaftar untuk acara berpasukan campuran.
- 6.4.3 Pasukan yang menghantar pemanah lelaki sahaja ataupun pemanah perempuan sahaja tidak layak menyertai acara berpasukan campuran.
- 6.4.4 Jika terdapat sebarang pertukaran peserta, pengurus pasukan hendaklah memaklumkan kepada Pegawai teknikal Pertandingan secara bertulis selewatnya satu (1) jam sebelum pertandingan acara berpasukan campuran bermula

## 7. PENDAFTARAN

### 7.1 Borang Pendaftaran Pemain

Semua PSKPP Cawangan dikehendaki mengisi Borang Pendaftaran Pemain dan dihantar kepada **Urusetia Jawatankuasa Pengelola sebelum atau pada tarikh 9 Oktober 2018.** Sebarang permohonan pindaan kepada senarai nama pegawai atau pemain ini boleh dibuat oleh Pengurus Pasukan semasa mesyuarat pengurus-pengurus pasukan nanti.

### 7.2 Yuran Pendaftaran

Setiap pasukan wajib membayar **RM 50.** Pembayaran boleh dilakukan **SEBELUM MESYUARAT PENGURUS PASUKAN** diadakan.

## 8. SISTEM PERTANDINGAN

- 8.1 Pertandingan mengikut system World Archery (WA). Hanya diubah jarak dan saiz 'target face'
- 8.2 Setiap pemanah mesti menghabiskan dua (2) pusingan, tiga puluh enam (36) anak panah bagi setiap pusingan dalam pertandingan single WA (*Qualification Round*) . Pemanah yang mendapat mata tertinggi akan dikira pemenang.
- 8.3 Bagi Pusingan Kalah-keluar , peraturan yang digunakan mengikut Peraturan WA seperti berikut :

- Pusingan Kalah-keluar :
  - Acara individu
    - Pemanah yang mendapat 6 mata terawal dikira sebagai pemenang.
  - Acara berpasukan
    - Pasukan yang mendapat 5 mata dulu dikira sebagai pemenang.
  - Jika seri – *shoot off* dilakukan. Jika masih seri anak panah yang terdekat dengan titik tengah dikira sebagai pemenang.

Acara	Perincian
Pertandingan Pusingan WA ( <i>Qualification Round</i> )	Jarak 50 meter <i>Target Face</i> 122cm Dua Pusingan 6 ends (6 <i>arrow/end</i> ) 240 saat/ <i>end</i>
Pusingan Individu ( <i>Individual Match Round</i> )	Jarak 50 meter. <i>Target Face</i> 122cm 5 set (3 <i>arrow/set</i> ) Sistem set 120 saat/ <i>end</i>
Pusingan Berpasukan ( <i>Team Match Round</i> )	Jarak 50 meter <i>Target Face</i> 122cm 4 set ( 6 <i>arrow/set</i> ) Sistem set 120 saat/ <i>end</i>
Pusingan Berpasukan Campuran ( <i>Mixed Team Match Round</i> )	Jarak 50 meter <i>Target Face</i> 122cm 4 set ( 4 <i>arrow/set</i> ) Sistem set 80 saat/ <i>end</i>

## 9. MASA MELAPOR DIRI

Setiap pasukan dikehendaki melaporkan diri kepada Ketua Hakim (Chief Judge) Kejohanan untuk pemeriksaan wajib peralatan pertandingan (Tackle Inspection) pada hari Rasmi Latihan Penyesuaian Padang

## 10. TATATERTIB

10.1 Kesalahan menipu skor.

- Mencabut anak panah terlebih dahulu sebelum skor dibaca dikira sebagai menipu. Jika didapati atlet mencabut anak panah terlebih dahulu sebelum skor dibaca, maka skor untuk pusingan tersebut terbatal.
- Sekiranya kejadian sama berulang maka skor untuk keseluruhan jarak tersebut terbatal.
- Sekiranya kesalahan ini berulang lagi maka penyertaan peserta ini dibatalkan.

10.2 Pengurus-pengurus pasukan dan pegawai-pegawai pasukan akan bertanggungjawab atas pemain-pemainnya mematuhi undang-undang pertandingan.

10.3 Sebarang pasukan yang mogok bermain (walk over) akan digantung bagi semua perlawanan. Rujuk **UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN AM PESTA PSKPP KE-38 2018**.

## 11. BANTAHAN

11.1.1 Setiap pasukan dibenarkan membuat bantahan. Hanya Pengurus Pasukan dibenarkan membuat bantahan secara bertulis .

11.1.2 Bantahan keputusan pertandingan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pegawai Pertandingan dalam masa tiga puluh (30) minit selepas keputusan pertandingan dipaparkan. (Berpandukan kepada Undang-Undang WA, Artikel 150).

**12. MENARIK DIRI/MENYERAH KALAH**

12.1 Rujuk **UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN AM PSKPP KE-38 2018.**

**13. PAKAIAN PEMAIN-PEMAIN**

13.1 Semua pemain mesti memakai pakaian sukan yang sesuai dan berkasut

**14. LEMBAGA RAYUAN**

14.1 Rayuan boleh kepada Delegasi Teknikal yang dilantik. Ahli dalam Delegasi Teknikal ialah DOS, Pengerusi Teknikal, Pengurus Venue dan Ketua Hakim.

**15. PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN**

Bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan, JK Pengelola berhak untuk membuat keputusan yang mana ianya adalah **MUKTAMAD.**

**16. KIRAAN MATA UNTUK RANKING PASUKAN**

<b>RANK</b>	<b>EMAS</b>	<b>PERAK</b>	<b>GANGSA</b>	<b>KE-4</b>	<b>5~8</b>	<b>9`16</b>	<b>17 &amp; ke atas</b>
<b>MATA</b>	15	7	5	4	3	2	1

**17. MAKANAN DAN MINUMAN PESERTA**

Pihak penganjur dan pengelola tidak bertanggungjawab dalam menyediakan makan dan minuman kepada peserta.